

KOSMO!
17/10/2015
mls 3



NAHAS pada Rabu lalu yang mengorbankan enam nyawa selepas sebuah kereta Toyota Camry merempuh treler di KM258.8, LPT2 dekat Kemaman.

KEADAAN lori yang membawa muatan minyak terbakar dan mengorbankan pemandunya, Mohd. Azha Jusoh dalam kejadian kemalangan di KM315, LPT2 dekat Kerteh pada 7 Oktober lalu.

ANGGOTA bomba mengeluarkan mayat yang rentung dalam kemalangan yang melibatkan sebuah kereta KIA Spectra dengan sebuah lori sehingga mengorbankan empat nyawa di KM386.6, LPT2 pada 25 Mei lalu.

Kerajaan Terengganu panggil LLM, JKR, PDRM bincang isu peningkatan nahas maut

LPT2 sudah jadi 'kubur' 73 orang

Oleh SHANIKA ABDULLATIB, KAMARIAH KHALIDI dan EZZUAN AHMAD

KEMAMAN - Lebuh Raya Pantai Timur 2 (LPT2) sepanjang 184 kilometer (KM) kini ibarat lebuh raya maut apabila telah menjadi 'kubur' kepada 73 mangsa dalam lebih 300 kejadian kemalangan sejak ia dibuka dua tahun lalu.



KERATAN Kosmo! 7 Oktober 2015.



KERATAN Kosmo! 15 Oktober 2015.



ROSLI



ISMAIL

berkata, kecuiaan manusia merupakan penyumbang utama kepada kadar kemalangan maut yang

INFO Antara nahas di LPT2

5 Mei 2014 - Kamariah Ismail, 54, maut manakala adiknya Che Ana, 52, parah selepas kenderaan pacuan empat roda yang dipandu suaminya merempuh seekor lembu di KM337, Lebuh Raya Pantai Timur 2 (LPT2) dekat Paka.

25 Jun 2014 - Seorang kanak-kanak, Nurul Aikal Najwa Shafie, 10, maut

Secara purata dalam tempoh dua tahun itu, LPT2 yang menghubungkan Jabor di Kemaman ke Gemuruh di Kuala Terengganu mengorbankan satu nyawa setiap 10 hari.

Bermula dengan kes Kamariah Ismail, 54, yang terbunuh selepas kenderaan pacuan empat roda yang dipandu suaminya merempuh seekor lembu di KM337, berhampiran Paka, insiden maut di LPT2 seolah-olah tidak berkesudahan.

Terbaru Rabu lalu, enam sekeuarga maut selepas kereta yang dipandu oleh pengurus jualan kereta, Azaman Ramli, merempuh sebuah treler 20 tayar yang berhenti rehat di KM258.8 berhampiran kawasan Rehat dan Rawat Perasing dekat Kemaman.

Malah, laluan LPT2 dari Ajil, Hulu Terengganu ke Kemaman disifatkan oleh pengguna sebagai laluan maut dan cukup berbahaya terutama jika memandu pada waktu hujan lebat.

Kerajaan negeri Terengganu dalam reaksi segera berkata, pihaknya akan memanggil wakil Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Jabatan Kerja Raya (JKR)



dan Polis Diraja Malaysia bagi membincangkan isu keselamatan di LPT2 dalam masa terdekat.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri, Ir. Rosli

Othman, mesyuarat tersebut akan membincangkan isu peningkatan kes kemalangan maut di lebuhraya tersebut sehingga menimbulkan keresahan dalam kalangan pengguna jalan raya.

Jelas beliau, kebanyakan kemalangan maut yang terjadi adalah di laluan lurus, sekali gus menolak faktor keadaan jalan berselekeh yang dibangkitkan oleh se-setengah pengguna.

“Faktor kemalangan adalah pelbagai. Paling utama, keadaan jalan yang beralun sekali gus menjadi penyumbang kepada jumlah kemalangan di sini.

“Tidak terkecuali, kurangnya penyelenggaraan yang sistematik ke atas lebuhraya yang siap dibina pada 2009 itu,” ujarnya ketika dihubungi semalam.

Sementara itu, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Datuk Ir. Ismail Md. Salleh

dan kadar kemalangan maut yang berlaku di LPT2.

“Tidak dinafikan terdapat jalan yang beralun dan takungan air ketika hujan lebat di LPT2, namun pihak kami akan segera membaiki pulih kerosakan tersebut bagi menjamin keselamatan pengguna.

“Bagaimanapun, segelintir pengguna juga dilihat memecut laju kenderaan mereka berikutan kadar trafik yang kurang dan jalan lurus” katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Mohd. Said Ibrahim menegaskan tiada unsur jenayah dalam setiap kemalangan di LPT2 terutama di laluan Kemaman.

“Sehingga kini, kita belum jumpa sebarang unsur khianat seperti perbuatan mencurahkan minyak di atas jalan raya,” katanya.

Dalam pada itu, seorang penduduk, Mohd. Rizuan Ismail, 36, yang sering berulang alik dari Ajil ke Kemaman mengakui laluan tersebut sangat bahaya dan dia sentiasa bimbang sekiranya memandu ketika hujan lebat.

Nurul Aika Najwa Sharie, 10, maut dirempuh Toyota Avanza selepas kereta yang dipandu kakak mangsa terlibat dalam kemalangan di KM392, LPT2 dekat Ajil.

22 Jun 2014 - AJK Pas Pusat, Datuk Abu Bakar Chik, 64, maut selepas kereta yang dinaiki merempuh belakang sebuah van di KM390, LPT2 dekat Ajil.

25 Mei 2015 - Empat orang termasuk dua kanak-kanak rentung, manakala dua orang cedera, selepas kereta yang mereka naiki terbakar akibat dirempuh sebuah lori kargo di KM386.6, LPT2 dekat Ajil.

28 September 2015 - Tiga maut setelah dirempuh sebuah kenderaan ketika menunggu bantuan kecemasan setelah terlibat dalam satu kemalangan di KM313.9, LPT2 sebelum susur keluar Plaza Tol Kijal.

6 Oktober 2015 - Seorang pemandu lori tangki maut selepas terperangkap dalam kenderaannya yang terbalik yang terbakar di KM315, LPT2 dekat Kerteh.

15 Oktober 2015 - Enam sekeluarga maut selepas kereta yang dinaiki terbabas sebelum berpusing dan terperosok bawah treler yang berhenti di lorong kecemasan dalam kejadian di KM258.8, LPT2 dekat Kemaman.

Pakar minta dibuat kajian kesan kawasan hitam kemalangan

KUALA LUMPUR – Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) yang mengendalikan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) diminta melihat semula taburan kemalangan yang terjadi di laluan tersebut berikutan kekerapan berlakunya kemalangan maut.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Prof. Dr. Wong Shaw Voon berkata, jika kemalangan maut itu tertumpu di beberapa lokasi, LLM perlu menjalankan analisis

lanjut bagi mengesan kadar kawasan hitam (*blackspot*).

“Pemantauan perlu dilakukan berdasarkan jumlah taburan kemalangan sama ada ia berlaku di lokasi berbeza atau di tempat yang sama. Pihak berkenaan perlu melihat semula mengapa masalah sedemikian berlaku sama ada berpunca daripada selekeh atau kadar had laju.

“Jika kemalangan maut di laluan tersebut berlaku secara rawak, berkemungkinan si-

kap pemandu itu sendiri yang tidak mematuhi had laju yang telah ditetapkan selain tidak mengamalkan sikap berhati-hati,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Abdul Ghafar Yusof berkata, sebagai pemandu yang turut menggunakan lebuhraya berkenaan, beliau mendapati LPT2 merupakan laluan yang berkeadaan baik.

Menurut Abdul Ghafar, kurangnya pe-

mantauan daripada pihak penguat kuasa merupakan antara punca pemandu tidak mematuhi had laju dan seterusnya menyumbang kepada kadar kemalangan maut.

LPT2 yang mula dibina sejak tahun 2006 berdepan dengan pelbagai isu termasuk kelewatan pembinaan. Ia dibuka secara berperingkat dan kini dikendalikan oleh LLM sebelum diserahkan kepada syarikat konsesi yang bakal ditentukan kemudian.